



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

TERTIB ACARA PENTADBIRAN

**MAJLIS PELANCARAN AKTIVITI
SEMPENA SAMBUTAN 10 TAHUN USIM
OLEH
YMM TUANKU CANSELOR**

**28 OKTOBER 2009/
9 ZULKAEDAH 1430H (RABU)
10.00 PAGI**

**AHLI JAWATANKUASA
MAJLIS PELANCARAN AKTIVITI SEMPERNA
SAMBUTAN 10 TAHUN USIM**

- PENGERUSI :** EN. MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI
- SETIAUSAHA :** EN. AHMAD KAMAL MUSTAFA
- AHLI J/K :** EN. AGOOS MUNALIS TAHIR
PN. WAN FAURIAH WAN SAMAD
EN. MOHD SAIFUL ABDUL SAMAD
EN. MD ISHAH RAHMAN
KAPT (B) ABDUL WAHAB MAT ZIN
EN. MUHAMMAD RAHMAT ABDULLAH
EN. MAHIZ SPAWI
PN. YUSRINA MOHD YUNUS
EN. SHAHRUL NIZAM MOHAMED SHAMSUDDIN
PN. MAZLEN MOHAMAD
EN. MOHD SYAFAAT SAPARI
EN. SYAIFOOL EIDZZWAN A. HALIM
EN. MOHD AKASHAH ABD. RASHID
PN. NUR AIDA AB. RAHMAN
EN. ISMAIL AHMED
CIK KHAIRUNNAJWA MOHD TAHET



**PETUGAS-PETUGAS KHAS
MAJLIS PELANCARAN AKTIVITI SEMPENA
SAMBUTAN 10 TAHUN USIM**

**JURU ACARA : EN. MOHAMMAD TAHIR BIN ZAINUDDIN
: EN. AHMAD YAZID AHMAD@ ABDUL RAHMAN (SANTAPA
SIMPANAN)**

**PEMBACA DOA : EN. NIDZAMUDDIN BIN ZAKARIA
: EN. AHMAD TARMIZI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANAN)**

MASA	ACARA	TINDAKAN
KETIBAAN PETUGAS		
09.00 pg	Semua pegawai dan kakitangan bertugas berada di Lobi Perpustakaan USIM untuk melapor diri kepada ketua masing-masing.	<i>Semua AJK & Penyambut Tetamu</i>

KETIBAAN TETAMU KEHORMAT

10.00 pg	Ketibaan tetamu jemputan dan dibawa ke tempat duduk masing-masing.	<i>Penyambut Tetamu</i>
10.10 pg	Ketibaan NC, Dif-dif Kehormat, TTNC, Pihak Pengurusan Universiti dan diminta kekal di Lobi Perpustakaan.	<i>Penyambut Tetamu</i>
10.15 pg	Ketibaan Pengerusi LPU USIM dan diminta kekal di Lobi Perpustakaan.	<i>Penyambut Tetamu</i>

KETIBAAN YMM TUANKU CANSOLOR

10.25 pg	Ketibaan YMM Tuanku Canselor di pintu masuk utama USIM.	
10.30 pg	Keberangkatan tiba YMM Tuanku Canselor di Lobi Perpustakaan dengan disambut oleh Pengerusi LPU, NC, Dif-Dif Kehormat, TTNC dan Pihak Pengurusan Universiti.	<i>Pengerusi LPU, NC, Dif-Dif Kehormat, TTNC, Pihak Pengurusan Universiti & Penyambut Tetamu</i>
	Pintu kereta dibuka	<i>En. Wahab</i>
	<i>Flower Girl</i> mempersembahkan bunga kepada YMM Tuanku Canselor	<i>Flower Girl</i>

MASA	ACARA	TINDAKAN
10.45 pg	MAJLIS PERASMIAN	
	Penyelaras Acara memaklumkan kepada Pengacara untuk membuat pengumuman ketibaan Tuanku Canselor:	<i>En. Ishah</i>
	Juruacara: "Mengumumkan keberangkatan Yang Maha Mulia Tuanku Canselor masuk ke dewan. Majlis mohon berdiri".	<i>Juruacara Majlis</i>
	Sebaik sahaja YMM Tuanku Canselor tiba di kerusi, Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Sembilan oleh Kumpulan Koir USIM.	<i>En. Ismail</i>
	Juruacara: "Majlis mohon duduk".	<i>Juruacara Majlis</i>
	YMM Tuanku Canselor duduk. Semua petugas bergerak dari perkarangan pentas.	<i>Penyambut tetamu</i>
	Petugas mempersembahkan Buku Cenderamata kepada Tuanku Canselor dan jemputan atas pentas.	<i>Penyambut tetamu</i>
	Juruacara: "Persembahan lagu "USIM Terus Maju" oleh kumpulan Koir USIM, majlis mohon terus duduk".	<i>Juruacara Majlis</i>
	Nyanyian Lagu USIM Terus Maju oleh Kumpulan Koir USIM.	<i>En. Ismail</i>

MASA

ACARA

TINDAKAN

Juruacara:

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Juruacara Majlis

Mengadap ke hadapan majlis Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tuanku Canselor, USIM.

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Haji Mohamad Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM.

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Naib Canselor USIM.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan-dekan, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin hadirat sekalian.

Terlebih dahulu pihak USIM menjunjung kasih atas perkenan Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, berangkat ke Majlis Pelancaran Aktiviti Sempena Sambutan 10 Tahun USIM. Sesungguhnya keberangkatan Yang Maha Mulia Tuanku memberi erti kepada patik-patik sekalian.

BACAAN DOA

Juruacara:

"Bagi memberkati majlis, dipersilakan Encik Nidzamuddin Zakaria untuk memimpin bacaan doa."

Juruacara Majlis

Pembaca doa bangun memberi hormat kepada YMM Tuanku Canselor berjalan ke rostrum di tepi pentas dan memulakan bacaan Al-Fatihah serta membacakan doa.

Encik Nidzamuddin

Selesai membaca doa, Pembaca doa memberi hormat kepada Tuanku Canselor dan kembali ke tempat duduk.

MASA	ACARA	TINDAKAN
10.50 pagi	ALUAN OLEH NAIB CANSOLOR	
	Juruacara: <i>"Hadirin dan hadirat sekalian, majlis dengan segala berbesar hati mempersilakan Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Naib Canselor USIM merafak sembah memohon limpah perkenan Yang Maha Mulia Tuanku Canselor untuk menyampaikan ucapan alu-aluan dan menyatakan tujuan majlis.</i>	<i>Juruacara Majlis</i>
	Dato' Naib Canselor bangun, tunduk hormat dan bergerak ke rostrum diiringi oleh petugas.	NC
	Petugas menyerahkan dulang berisi teks ucapan kepada Dato' Naib Canselor.	<i>Penyambut Tetamu</i>
	(Dato' Naib Canselor menyampaikan ucapan)	NC
	Tamat ucapan Dato' Naib Canselor . Petugas menerima kembali teks ucapan daripada Dato' Naib Canselor.	<i>Penyambut Tetamu</i>
	Dato' Naib Canselor tunduk hormat dan kembali ke tempat duduk utama diiringi Petugas.	NC
	Juruacara: <i>"Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' atas sembah aluan yang disampaikan"</i>	<i>Juruacara Majlis</i>
11.00 pagi	UCAPAN PENERUSI LPU	
	Juruacara: <i>"Hadirin dan hadirat sekalian, seterusnya majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Haji Mohamad Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM memohon limpah perkenan Yang Maha Mulia Tuanku Canselor untuk menyampaikan ucapan.</i>	<i>Juruacara Majlis</i>

MASA	ACARA	TINDAKAN
	Tan Sri Pengerusi bangun, tunduk hormat dan bergerak ke rostrum diiringi oleh petugas.	<i>Pengerusi LPU</i>
	Petugas menyerahkan dulang berisi teks ucapan kepada Tan Sri Pengerusi .	<i>Penyambut Tetamu</i>
	(Tan Sri Pengerusi menyampaikan ucapan)	<i>Pengerusi LPU</i>
	Tamat ucapan Tan Sri Pengerusi. Petugas menerima kembali teks ucapan daripada Tan Sri Pengerusi.	<i>Penyambut Tetamu</i>
	Tan Sri Pengerusi tunduk hormat dan kembali ke tempat duduk utama diiringi Petugas.	<i>Pengerusi LPU</i>
	Juruacara: <i>“Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri atas ucapan yang telah disampaikan”.</i>	<i>Juruacara Majlis</i>
11.10 pagi	PELANCARAN AKTIVITI SEMPERA SAMBUTAN 10 TAHUN USIM	
	<i>“Pelancaran aktiviti-aktiviti sempena sambutan 10 tahun Universiti Sains Islam Malaysia. Majlis dengan penuh takzim memohon perkenan Yang Maha Mulia Tuanku Canselor untuk menyempurnakan pelancaran rasmi aktiviti-aktiviti sempena sambutan 10 tahun USIM.”</i>	<i>Juruacara Majlis</i>
	Petugas menyerah dulang berisi Teks Titah kepada Tuanku Canselor.	<i>Penyambut tetamu</i>
	<i>“Beta dengan sukacitanya dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim melancarkan aktiviti-aktiviti sempena sambutan sepuluh tahun penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia.”</i>	<i>YMM Tuanku Canselor</i>
	Selesai Titah. Petugas menerima semula Teks Titah daripada Tuanku Canselor.	<i>Penyambut tetamu</i>
	Juruacara: <i>“Ampun Tuanku, majlis menjunjung kasih atas pengisytiharan pelancaran oleh Yang Maha Mulia Tuanku sebentar tadi”.</i>	<i>Juruacara Majlis</i>

PELANCARAN LOGO DAN PERASMIAN

Juruacara:

"Ampun Tuanku, meneruskan acara pada pagi ini majlis mohon perkenan Yang Maha Mulia Tuanku untuk acara pelancaran logo sambutan 10 tahun USIM". *Juruacara Majlis*

Pengerusi LPU dan NC bangun, tunduk hormat dan mengiringi Tuanku Canselor dan seterusnya memulakan acara pelancaran logo. *Pengerusi LPU & NC*

Petugas bawa replika logo USIM bergerak ke sebelah Tuanku Canselor. *Penyambut tetamu*

Pelancaran logo. *YMM Tuanku Canselor*

Pengerusi LPU dan NC mengiringi YMM Tuanku Canselor kembali ke tempat duduk, tunduk hormat dan seterusnya duduk. *Pengerusi LPU & NC*

Gimmick multimedia dimainkan. *En. Saiful*
Gimmick multimedia tamat.

Juruacara:

"Demikianlah Perasmian Pelancaran Aktiviti dan Logo Sempena Sambutan 10 Tahun USIM". *Juruacara Majlis*

11.30pagi

PENYERAHAN CENDERAMATA

Juruacara:

"Ampun Tuanku. Sebagai tanda kasih daripada warga USIM, dipersilakan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Haji Mohamad Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM merafak sembah dan mempersembahkan cenderamata kenangan kepada Yang Maha Mulia Tuanku Canselor". *Juruacara Majlis*

Petugas bawa cenderamata bergerak ke sebelah Pengerusi LPU. *Penyambut tetamu*

Pengerusi LPU dan NC bangun merafak sembah kepada YMM Tuanku Canselor. *Pengerusi LPU & NC*

MASA	ACARA	TINDAKAN
	YMM Tuanku Canselor bangun (ADC bersedia disebelah YMM Tuanku Canselor) dan menerima cenderamata daripada Pengerusi LPU.	ADC
	Petugas Istana bersedia menyambut cenderamata daripada Tuanku Canselor.	Petugas Istana
	Selesai upacara penyerahan cenderamata.	
	YMM Tuanku Canselor duduk	
	Juruacara : "Terima kasih Yang Berbahagia Tan Sri".	Juruacara Majlis
	Pengerusi LPU dan NC tunduk hormat dan kembali duduk.	Pengerusi LPU & NC
11.40 pagi	MENINGGALKAN MAJLIS	
	Penyelaras Acara menunggu isyarat daripada Pn. Yusrina untuk menamatkan majlis.	En. Ishah
	Isyarat diterima daripada Pn. Yusrina.	Pn. Yusrina
	Penyelaras Acara memberi isyarat kepada juruacara.	En. Ishah
	Juruacara : "Hadirin dan hadirat sekalian, Syukur Alhamdulillah berkat keizинannya maka majlis pada hari bersejarah ini telah dapat berlangsung dengan sempurna.	Juruacara Majlis
	Marilah kita berdoa semoga dipanjangkan usia Tuanku dan juga semoga USIM dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya dibawah naungan Yang Maha Mulia Tuanku Canselor.	

Majlis menjunjung kasih atas sudi perkenan Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Majlis Pelancaran Aktiviti Sempena Sambutan 10 Tahun USIM. *Juruacara Majlis*

Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Sembilan Darul Khusus akan dimainkan. Hadirin dimohon berdiri”.

Sebaik sahaja YMM Tuanku Canselor bangun, Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Sembilan dimainkan. *En. Ismail*

Lagu Negaraku dimainkan.
Lagu Negeri Sembilan dimainkan.

YMM Tuanku Canselor dan hadirin terus berdiri.

Juruacara :

Mengumumkan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tuanku Canselor, USIM menyaksikan pameran dan seterusnya ke Majlis Santapan. Majlis Mohon Terus Berdiri”. *Juruacara Majlis*

Tuanku Canselor dibawa melawat ruang pameran. *Penyambut Tetamu*

Tetamu VIP di bawa ke ruang khas jamuan dan tetamu lain di ruang yang disediakan. *Penyambut Tetamu*

12.00 tgh

MAJLIS SANTAPAN

YMM Tuanku Canselor dan tetamu kehormat di atas pentas berjalan keluar ke Ruang Santapan. *Penyambut Tetamu*

Santapan dimulakan dan muzik iringan dimainkan. Santapan selesai. *En. Ismail*

01.00 tgh

MAJLIS BERSURAI

AJK dan penyambut tetamu berbaris dua barisan mulai luar pintu utama sehingga ke kereta Diraja

AJK
& Penyambut
Tetamu

Juruacara mengumumkan keberangkatan YMM Tuanku Canselor meninggalkan majlis.

Juruacara :

"Mengumumkan Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, meninggalkan majlis. Hadirin mohon berdiri".

Juruacara Majlis

Tuanku bergerak ke Lobi Perpustakaan diiringi tetamu di Meja Diraja untuk keberangkatan pulang.

Penyambut Tetamu

(Diucapkan selamat meninggalkan majlis oleh Pengerusi LPU, NC, Pengerusi LPU, NC, Dif-Dif Kehormat, TTNC dan Pihak Pengurusan Universiti)

Pintu kereta dibuka.

En. Wahab

YMM Tuanku Canselor masuk ke kenderaan dan beredar.



CATATAN



MALISU BOOK - 2000 REG. NO. AFR454



